

Kekasih

Metro 20/12/12

serakah

MS 44

Gadis terlanjur serah bayi kepada JKM

JOHOR BAHRU: "Saya bukan saja dipaksa menggugurkan kandungan dengan menelan pil, malah teman lelaki tetap mahu saya melayan nafsu seksnya walaupun saya sarat mengandung."

"Apabila enggan melayan nafsunya, saya dipukul, disepak, diterajang selain diseret hingga menyebabkan badan lebam dan berdarah," kata Ayu, seorang penghuni Pusat Perlindungan Wanita Majlis Agama Islam Johor (Maij) Taman Perling di sini, ketika ditemui, semalam.

Ayu seorang daripada enam penghuni wanita pusat berkenaan yang menerima perlindungan serta bimbingan selepas diserahkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Ayu, 23, yang berasal dari Pasir Gudang tinggal di situ sejak November lalu sejurus dia melahirkan bayi lelaki hasil hubungan terlarang dengan teman lelaki sebayanya.

Menurut Ayu, keluarganya tahu dengan kelahiran berkenaan, namun enggan menerimanya kembali ke pangkuan mereka kerana berasa aib dengan perbuatan terkutuk dilakukannya dengan teman lelaki.

Mengimbu kisah hitam hidupnya, Ayu berkata, dia dimasukkan ke pusat itu kerana melahirkan anak tidak sah taraf selain menjadi mangsa pengabaian keluarga.

"Saya dibesarkan dalam keluarga yang berpecah belah akibat perceraian ibu bapa ketika saya berusia lapan tahun.

"Selepas mereka berpisah, saya bersama tiga adik beradik lain dipelihara bapa di Perak manakala seorang lagi adik dibesarkan ibu di Pasir Gudang.

"Arwah bapa seorang yang tegas hinggakan saya tidak dibenarkan berkawan dengan lelaki, namun dia memberi sepenuh kasih sayang dan didikan agama mencukupi," katanya.

Menurut anak ketiga daripada lima beradik itu, selepas bapanya meninggal



KESAL...Ayu termenung mengenang nasib dirinya.

dunia akibat sakit buah pinggang pada 2009, dia kembali menetap bersama ibunya di Pasir Gudang.

Ayu berkata, akibat tidak serasi, dia mengambil keputusan untuk menetap bersama seorang abangnya di Desa Cemerlang sebelum berpindah menyewa sendirian di Taman Daya.

"Saya berpindah kerana seorang rakan abang cuba mencabul saya namun kejadian itu tidak saya maklumkan kepada sesiapa.

"Selepas selesai menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), saya bekerja sebagai pembantu klinik di Taman Daya," katanya.

Menurut Ayu, dia mengenali teman lelaki yang juga penuntut sebuah pusat latihan dan kemahiran melalui rakan sekerjanya kira-kira empat tahun lalu.

Katanya, mereka akhirnya menjalinkan cinta sehingga terlanjur.

"Sejak bapa meninggal dunia, saya seakan hilang arah malah hubungan dengan ibu juga tidak begitu baik.

"Namun, sejak mengenali teman lelaki, hidup saya berubah, saya dilayan cukup baik olehnya. Malah, saya juga termakan pujuk rayu dan janji manisnya untuk berkahwin dengan saya sehingga akhirnya sanggup ditiduri.

"Sejak itu, kami kerap melakukan hubungan seks sebelum disahkan hamil, teman lelaki bagaimanapun tidak mahu bertanggungjawab, malah memaksa menggugurkan kandungan," katanya.

Menurut Ayu, dia turut di-

paksa memakan sejenis pil untuk menggugurkan kandungan, namun Ayu enggan kerana sayangkan bayinya.

Akibatnya, Ayu mendakwa dia dikurung di beberapa tempat termasuk rumah teman lakinya.

"Sepanjang tempoh itu, saya dilayan buruk dan dipukul apabila tidak menuruti kemahuannya malah saya hanya menjamah makanan sekali sehari.

"Teman lelaki menggugat, jika saya lari, dia akan memaklumkan kehamilan saya kepada ibu selain berniat menjual anak kami," katanya.

Menurut Ayu, dia kemudiannya mencari helah melarikan diri sebelum dibenarkan teman lelaki untuk bertemu ibunya.

Ayu berkata, dia dibenarkan bertemu ibu namun berlaku perselisihan faham apabila adiknya mengetahui kehamilan berkenaan.

"Saya dihalau dari rumah sebelum melahirkan anak di sebuah hospital di sekitar bandar raya ini. Saya dan anak kemudian diserahkan kepada JKJ sebelum dimasukkan ke Pusat Perlindungan Wanita Maij untuk memulakan hidup baru.

"Saya bersyukur diberi peluang memperbaiki diri dan membersihkan dosa kerana di pusat ini, hidup saya lebih tenang. Saya diberi pendedahan dan bimbingan meliputi semua aspek termasuk didikan agama, motivasi serta ilmu kemahiran.

"Selepas ini, saya berhasrat bekerja dan berdikari membesarkan anak," katanya.